

05 JAN 2000

Mahathir - Pekan (Bergambar)

DR MAHATHIR KUNJUNGI PEKAN RABU

ALOR SETAR, 5 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkunjung ke kompleks Pekan Rabu, sebuah mercu tanda ekonomi masyarakat Melayu di sini.

Kunjungan Perdana Menteri ke kompleks yang terletak di tengah bandar ini adalah yang kedua dalam tempoh 10 hari setelah mengunjungi 27 Dis lepas.

Kompleks Pekan Rabu adalah destinasi pertama yang dilawatinya selepas tiba di lapangan terbang Sultan Abdul Halim untuk lawatan singkatnya di sini.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali serta Menteri Besar Kedah Datuk Syed Razak Syed Zain berada di situ hampir sejam.

Ketika ditemui pemberita semasa kunjungan itu, Perdana Menteri berkata peniaga di situ kini jauh lebih maju berbanding suatu ketika dahulu.

Beliau berharap mereka meningkatkan lagi mutu pengurusan perniagaan seperti dalam aspek pembungkusan makanan.

Dr Mahathir yang pernah berniaga pisang di situ pada zaman mudanya ialah antara pengasas koperasi Pekan Rabu.

Hari ini beliau membeli juadah berbuka puasa di situ serta melawat kedai-kedai pakaian dan makanan di kompleks berkenaan serta bertemu rakan-rakan lamanya.

Petang ini, Dr Mahathir dan isteri akan berbuka puasa bersama penduduk Kampung Bukit, Hosba, di Jitra.

-- BERNAMA

AD MAI